

BAHASA FIGURATIF SEBAGAI WAHANA PEMIKIRAN: SATU ANALISIS PRAGMATIK

Wong Shia Ho

ngdarren108@yahoo.com

Pusat Pengajian Bahasa
Universiti Malaysia Sarawak

Abstrak

Ucapan merupakan pentas bagi seseorang pemimpin mengemukakan dasar pemikirannya. Pemikirannya pula sebahagiannya akan menjadi dasar negara. Sebelum menyelami pemikiran penutur, makna sebenar yang disampaikan melalui ucapan itu haruslah diketahui pendengarnya. Kajian ini menyelami pemikiran Tunku Abdul Rahman melalui ujaran implisit yang digunakan dalam ucapan awam. Kajian ini merupakan kajian data korpus. Penelitian dilakukan terhadap ujaran yang mengandungi unsur implisit (bahasa figuratif) secara lebih khusus untuk mendapatkan makna. Kajian ini menggunakan pendekatan pragmatik yang memanfaatkan Teori Relevans (TR) yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson. Teori ini menekankan peranan kognitif, iaitu melibatkan konteks, kesan konteks (kognitif) dan usaha memproses. Hasil kajian mendapati bahawa Tunku menggunakan ujaran implisit untuk membawa pemikiran sosiopolitik beliau khususnya tentang penjajahan dan kemerdekaan.

Kata Kunci: pemikiran sosiopolitik, konteks, usaha memproses, pragmatik.

Abstract

For a leader, speeches are the means to present his ideas. Some of these ideas may become national policy. To be able to access the speaker's ideas, the hearer should understand the true meaning of the speech. This study explores the ideas of Tunku Abdul Rahman through implicit utterances used in public speeches. This study uses corpus

data. The research focuses on utterances containing implicit elements (figurative language) for meaning. This study uses the pragmatic approach that applies the relevance theory (TR) of Sperber and Wilson (1986&1995). This theory emphasizes the cognitive role, involving context, context effects (cognitive) and processing efforts. The study found that Tunku used implicit utterances to convey his socio-political ideas, in particular about colonization and independence.

Keywords: sociopolitical thought, context, processing efforts, pragmatics

PENDAHULUAN

Hubung kait antara pemikiran dengan bahasa dijelaskan oleh Asmah Haji Omar (1966 & 1986) sebagai “manusia menggunakan lambang bahasa untuk merakamkan fikiran dan pengalamannya”. Menurut Mana Sikana (1988:37) (dalam Arba’ie Sujud, 2004:44) pula, pemikiran ialah peristiwa yang tersurat dan tersirat daripada peristiwa yang hendak disampaikan. Berdasarkan pernyataan tersebut dapat disimpulkan bahawa pemikiran seseorang dapat diselami melalui penggunaan bahasanya. Hal ini selaras dengan pendapat Nor Hashimah Jalaluddin (2003) yang mengatakan bahawa melalui komunikasi, kita dapat tahu sikap dan pemikirannya. Oleh yang demikian, kajian terhadap pemikiran seseorang pemimpin harus dilihat daripada ujarannya. Menurut Asmah Haji Omar (2011:86), ujaran (*utterance*) didefinisikan sebagai pertuturan yang tidak kira panjangnya yang didahului oleh kesenyapan dan diakhiri oleh kesenyapan oleh pihak penutur. Salah satu cara pemimpin menyampaikan pemikirannya adalah melalui ucapan dalam majlis tertentu. Hal ini dapat dibuktikan melalui pernyataan seperti yang berikut:

Bagi pemimpin, apa-apa peristiwa yang memerlukan ucapan daripada pihaknya, bukanlah semata-mata peristiwa sosial tetapi juga merupakan pentas bagi dia mengemukakan dasar pemikiran yang kemudiannya menjadi dasar kebangsaan atau dasar negara. (DBP, 2005:viii)

Sebelum mengetahui pemikiran seseorang pemimpin melalui ucapannya, mesej sebenar yang disampaikan dalam ucapannya haruslah difahami terlebih dahulu. Jika sesuatu ujaran disampaikan secara tersurat, pendengar tidak menghadapi masalah untuk memahaminya,

bagaimanakah pula jika pengucap menggunakan ujaran implisit, iaitu melibatkan penggunaan bahasa figuratif? Sudah tentu pendengar berusaha lebih untuk memproses ujaran. Ujaran implisit inilah yang menjadi tarikan kajian ini dilakukan.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian penggunaan bahasa figuratif dalam karya sastera banyak dilakukan oleh pengkaji bahasa sebelum ini. Namun, kajian tentang pemikiran pemimpin negara khususnya Tunku Abdul Rahman (Tunku), Perdana Menteri Malaysia Pertama, melalui penggunaan bahasa figuratif sukar diperoleh. Hal ini kerana kajian terhadap Tunku sebelum ini banyak berkisar tentang perjuangan dan sumbangan beliau dalam bidang politik. Jarang sekali kita dapat melihat kajian bahasa terhadap diri Tunku apatah lagi kajian tentang penggunaan unsur implisit dalam ucapan Tunku. Oleh itu, kajian terhadap teks ucapan Tunku dilakukan untuk mendapatkan gambaran tentang pemikiran Tunku melalui penggunaan bahasa figuratif.

Kajian ini akan membincangkan hubungan antara penggunaan bahasa figuratif dengan pemikiran Tunku. Dalam konteks kajian ini, teks ucapan Tunku akan diteliti khususnya tentang penggunaan bahasa figuratif dalam menyampaikan pemikirannya. Hal ini kerana penggunaan unsur implisit bukan sahaja sering dikaitkan dengan keperibadian atau kesantunan berbahasa seseorang tetapi juga unsur implisit dilihat mampu menyampaikan mesej dengan lebih berkesan. Kajian ini mengemukakan penggunaan bahasa figuratif metafora, simile dan ironi oleh Tunku untuk dianalisis bagi mendapatkan makna implisitnya. Setelah makna implisit diperoleh, maka pemikiran yang dapat dibawa oleh Tunku melalui penggunaan bahasa figuratif tersebut akan dapat diketahui. Kajian ini turut memperlihatkan aspek penting dalam komunikasi, iaitu: (a) tanggungjawab penutur memastikan ujaran yang bermanifestasi; (b) kepentingan pentafsiran makna secara pragmatik; dan (c) kemampuan penggunaan bahasa figuratif dalam menjana pemikiran penutur dengan lebih berkesan.

Kajian ini merupakan kajian data korpus. Dalam kajian ini data korpus diperoleh daripada tiga teks ucapan Tunku yang diperoleh daripada Jabatan Arkib Negara Malaysia. Sampel data dalam bentuk bahasa figuratif diperoleh daripada teks ucapan ini akan dianalisis berdasarkan Teori Relevans (TR).

TEORI RELEVANS

Teori Relevans (TR) diasaskan oleh Dan Sperber dan Deidre Wilson pada tahun 1986 melalui buku *Relevance Communication and Cognition* (1986). Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1992:33), Prinsip relevans lebih menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami antara penutur dan pendengar. Selain itu, penutur seharusnya dapat menjamin yang diperbualkan itu benar-benar relevan serta sesuai untuk difahami oleh pendengar. Dengan kata lain, penutur dapat memastikan yang diperkatakan itu mempunyai ciri relevans yang optimal. Relevans yang optimal bermaksud setiap ujaran itu mempunyai kesan konteks yang maksimum yang dapat dirumuskan dalam masa sesingkat mungkin. Oleh itu, konteks haruslah seimbang dengan masa memproses bagi menghasilkan kandungan maklumat yang diharapkan.

Semasa menyampaikan ujaran, penutur seharusnya bertanggungjawab memastikan ujarannya mengandungi maklumat yang sama dengan perhatian pendengar. Hal ini kerana pendengar akan memberikan perhatian yang relevan dengan dirinya. Penutur haruslah memberikan maklumat yang relevan dengan penaaakulan dan persepsi pendengar dengan memberikan andaian tambahan kepada persekitaran kognitif pendengar. Apabila adanya andaian tambahan yang diberikan ini sama dengan maklumat yang difahami oleh pendengar, maka ujaran itu dianggap relevan (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2005).

Menurut Sperber dan Wilson (1986), pragmatik memainkan peranan yang sangat penting dalam komunikasi lisan. Selain kod yang digunakan, proses inferens untuk memahami ujaran juga patut diambil kira. Kod dan inferens digabungkan untuk membolehkan manusia mencapai tahap komunikasi yang lebih canggih (Nor Hashimah Jalaluddin, 2007:46). Menurut Fatimah Subet (2010:97) pula, dalam TR, proses inferensi ini akan membolehkan satu rumusan terhadap andaian dibuat. Oleh itu, kemungkinan memperoleh pelbagai andaian itu sebenarnya telah terlebih dahulu melalui proses inferens. Bukti inferens terlibat dalam komunikasi dapat ditunjukkan dengan situasi /contoh di bawah :

Seorang peminat bola sepak dalam keadaan mengantuk di hadapan televisyen yang menyiarkan perlawanan bola sepak secara langsung, tiba-tiba terdengar suara pengulas:

Kod : “gol” –merupakan input bagi komunikasi

Inferens : “jaringan dihasilkan” –merupakan output bagi komunikasi

Tiga konsep penting yang ditekankan oleh TR dalam pentafsiran makna ialah konteks, kesan konteks dan kos proses.

Konteks

Sperber dan Wilson (1986:15-16) (dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 2007:49) menyatakan bahawa konteks ialah seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran yang terdahulu yang paling hampir. Konteks juga melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur. Kesemuanya memainkan peranan dalam interpretasi ujaran.

Kesan Konteks

Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006:12), Zaiton Ismail (2003:36), Nor Hashimah (1991:476-77, 2007:50-51), kesan konteks atau kesan kognitif ialah andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar. Kesemuanya tersimpan sebagai catatan ensiklopedia penutur dan pendengar. Apabila kesemuanya mendapat maklumat konteks dalam ujaran penutur, maklumat itu akan diproses tiga cara, sama ada digabungkan, dikukuhkan atau digugurkan dengan konteks sebenar sesuatu ujaran untuk mendapatkan kesan konteks yang tinggi (ketiga-tiga proses ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam subtajuk "Subgagasan TR"). Tiga cara memperoleh kesan konteks ialah:

- (a) menggabungkan dengan konteks yang sedia ada;
- (b) menguatkan andaian yang sedia ada;
- (c) berlaku pertentangan maklumat dan menggugurkan andaian lemah yang wujud.

Usaha Memproses

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2007:53), dalam menginterpretasikan ujaran, selain kesan konteks dan konteks yang melatari perbualan, usaha memproses maklumat juga harus dititikberatkan. Usaha memproses ialah

usaha yang terlibat dalam menginterpretasikan makna ujaran. Usaha memproses ini merujuk usaha memproses maklumat oleh pendengar. Bagi penutur pula, usaha memproses juga penting untuk memastikan yang ujarannya boleh difahami dengan mudah oleh pendengar. Mengikut definisi relevans, semakin rendah usaha memproses maklumat, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini akan memanfaatkan tiga sampel data (bahasa figuratif) daripada teks ucapan Tunku (rujuk Lampiran A1, A2 dan A3). Tiga data tersebut terdiri daripada metafora, ironi dan simile. Walaupun kajian ini hanya mengemukakan tiga data untuk dikaji, tetapi ujaran yang dapat membantu menginterpretasi makna implisit data ini tetap diberikan perhatian. Hal ini selaras dalam TR yang menyatakan bahawa ujaran sebagai satu wacana, bukan satu perkataan sahaja. Tambahan pula ujaran sebelum dan selepas ini dapat membantu menginterpretasi unsur implisit sama ada melalui penggabungan, penguatan atau pengguguran. Ujaran yang memberikan sumbangan ini akan ditunjukkan dalam analisis TR.

Analisis TR terhadap Data (1)

Metafora “Mahligai kemerdekaan”

Data (1) ini, iaitu “Mahligai Kemerdekaan” diletakkan dalam bahasa figuratif metafora kerana kewujudan perkataan “mahligai”; yang bersifat konkrit, iaitu nyata atau dapat dilihat dan digabungkan dengan unsur abstrak, iaitu “kemerdekaan”. Metafora “mahligai kemerdekaan” ini muncul dalam ungkapan yang berikut:

Bagi pihak orang-orang Melayu nescaya tangga yang mula untuk menuju mahligai kemerdekaan itu tiada tercapai (Lampiran A1, Bil. 1, Baris 10-12).

Konteks pemula bagi membantu menginterpretasi data (1) dikemukakan seperti petikan :

Ungkapan ini muncul dalam “Ucapan Yang Dipertua UMNO (5 APRIL 1953)”. Dalam ucapan tersebut, Tunku menyatakan bahawa

persidangan kali ini penting sekali dalam sejarah perjuangan UMNO kerana kejayaan dan kegagalan UMNO bergantung kepada keputusan yang dibuat dalam persidangan kali ini termasuklah berkaitan dengan Persidangan Meja Bulat antara UMNO-MCA. Menurut Tunku, UMNO memerlukan kerjasama MCA dalam perjuangan mencapai kerusi-kerusi dalam Mesyuarat Undangang Persekutuan Tanah Melayu. Oleh itu, UMNO akan mempertimbangkan tuntutan MCA yang berpatutan. Hanya sikap bertolak ansur antara UMNO-MCA dapat membawa persetujuan. Soal peluang mengundi daripada bangsa-bangsa asing tidak akan menyebabkan Melayu ketinggalan. Peluang mengundi haruslah diberikan kepada mereka bagi usaha ke arah kemerdekaan. UMNO harus berani menerima syarat ini. Tunku juga menyatakan bahawa Tanah Melayu harus segerakan kemerdekaan. Tunku menyeru supaya perjuangan kemerdekaan memerlukan pengorbanan dan bukannya hanya duduk diam.

Jadual 1 Paparan makna linguistik berdasarkan *Kamus Dewan* (2005).

Data	Lampiran	Kategori (Frasa)	Makna Linguistik
1	A1, Bil. 1, Baris 12	Mahligai Kemerdekaan	Mahligai- istana tempat kediaman raja (permaisuri atau putera-puteri raja) Kemerdekaan-perihal merdeka, kebebasan

Berdasarkan *Kamus Dewan* (2005), data (1) adalah seperti dalam Jadual 1. Makna linguistik dalam dapat dikesan apabila melihat perkataan “mahligai” sebagai istana tempat kediaman raja. Jadi, apabila kajian ini menggabungkan kata “mahligai” yang bersifat konkrit dengan perkataan “kemerdekaan” yang bersifat abstrak, kajian ini dapat mengandaikan maksud yang dikemukakan secara permukaan, iaitu istana yang bebas dan merdeka. Namun, seperti yang ditekankan, makna linguistik sahaja tidak mampu memberikan makna yang sebenar. Hal ini selaras dengan TR yang menekankan bahawa makna sebenar tidak semestinya daripada makna linguistik ditambah pula dengan pernyataan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (1992:27), ujaran yang menggunakan metafora memerlukan penginterpretasian yang mendalam kerana melibatkan ujaran implisit. Oleh itu, kajian ini perlu membuat andaian awal kerana mendapati bahawa “mahligai” dalam ungkapan tersebut bukan istana. Bagi mendapatkan

makna sebenar, kajian ini akan melakukan analisis TR. Andaian tentang makna sebenar “mahligai kemerdekaan” dikemukakan seperti yang berikut:

Analisis TR Data (1) : Mahligai Kemerdekaan

Kod	Inferens	Andaian
Mahligai kemerdekaan	Keindahan, kesenangan, kemewahan	a. segala kenikmatan kemerdekaan b. Keamanan selepas negara merdeka c. Hidup aman dan damai selepas merdeka d. Masa depan yang cerah

Melalui penentuan kod dan inferens dalam TR, kajian ini dapat mengemukakan beberapa andaian seperti di atas. Andaian ini didapati tinggi kesahannya kerana inferens yang diperolehi daripada kod “mahligai” tadi sudah mampu memberikan makna sebenar data (1). Dalam TR, kita dibenarkan menghasilkan satu set proposisi dalam ujaran. Set proposisi ini ada yang dilahirkan secara langsung melalui makna perkataan yang digunakan (leksikal) dan sebahagian lagi dihasilkan secara tidak langsung dan diperolehi maklumatnya melalui inferens. Oleh sebab itu, kajian ini mendapati melalui inferens “kesenangan, kemewahan, kebebasan”, segala maksud kesenangan, keindahan, dan kemewahan dapat dicungkil daripada “mahligai kemerdekaan”.

Sperber dan Wilson (1986) menyatakan bahawa sesuatu andaian adalah relevan dalam konteks hanya jika andaian tersebut mempunyai beberapa kesan konteks dalam konteks tersebut (dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 1999:213). Kesahan kesemua andaian di atas sebagai makna implisit bagi data (1) ini dapat dibuktikan melalui penguatan maklumat dengan ensiklopedia pendengar. Perkataan “mahligai” dari segi makna linguistiknya bermaksud “istana”. Perkataan “istana” berkait rapat dengan institusi raja. Rakyat Tanah Melayu tanpa mengira kaum mempunyai pengetahuan sedia ada tentang istana sebagai tempat tinggal raja. Dalam konteks Tanah Melayu, istana merupakan tempat tinggal raja-raja Melayu atau Sultan. Kedudukan Raja atau Sultan Melayu adalah paling tinggi dalam masyarakat. Oleh sebab itu, raja atau sultan berada dalam kedudukan yang baik dalam setiap aspek. Golongan raja mempunyai peluang merasai kenikmatan hidup yang tidak akan dimiliki oleh orang lain. Oleh sebab

itu, semua manusia ingin, bercita-cita tinggi atau mempunyai impian untuk tinggal di istana seperti raja atau sultan supaya dapat menikmati keindahan, kesenangan, kemewahan hidup malah lebih daripada itu. Maklumat ensiklopedia pendengar tentang perkataan “mahligai” ini apabila digabungkan dengan kesemua andaian yang dikemukakan dapat menghasilkan kesan konteks yang tinggi. Mereka dapat membayangkan nikmat kemerdekaan seperti nikmat tinggal di mahligai. Kenikmatan ini menjadikan impian rakyat pada masa itu.

Jadi, kajian ini mendapati bahawa andaian yang dikemukakan bagi data (1) sangat tinggi kesahannya kerana tidak memerlukan kos memproses yang banyak. Dalam TR, semakin rendah usaha memproses sesuatu ujaran, maka semakin tinggilah kesahan ujaran itu. Pendengar hanya memerlukan usaha memproses yang rendah kerana ujaran (data 1) ini selaras dengan pengetahuan sedia ada mereka. Dalam ucapan, Tunku tidak membayangkan “keindahan, kesenangan, kemewahan” yang dapat dinikmati oleh rakyat sama ada melalui ujaran terdahulu mahupun ujaran wujud selepasnya, tetapi penggunaan “mahligai” dalam data (1) sudah cukup untuk Tunku menyampaikan maksud yang sebenar.

Analisis TR terhadap Data (2)

Simile “Sebagai Bulan yang Baru Timbul”

Data (2) “Sebagai bulan yang baru timbul” ini muncul dalam Ucapan Persidangan Perhimpunan Agung Khas UMNO diadakan di Dewan Perbandaran (Town Hall) di Kuala Lumpur, pada 4 November 1961.

Data (2) ini muncul dalam ungkapan;

Tanah Melayu dan negeri-negeri Borneo itu disifatkan **sebagai bulan yang baru timbul dalam alam dunia ini** (Rujuk lampiran A2, Bil.1, Baris 18-20).

Data (2) ini amat sesuai diletakkan di bawah simile kerana terdapatnya unsur perbandingan dengan menggunakan kata perbandingan “sebagai”. Menurut Rachmat Djoko Pradopo (1993:62) dalam Maniyamin Ibrahim (2006:47), simile dikenali juga sebagai perbandingan dan bersifat eksplisit. Simile menyamakan sesuatu objek atau perkara atau hal atau

situasi dengan objek atau perkara atau hal atau situasi yang lain dengan menggunakan kata perbandingan.

Secara awalnya, kajian ini mendapati data (2) “sebagai bulan yang baru timbul” mempunyai makna yang tersirat. Sebagai usaha untuk menganalisis makna implisitnya, konteks pemula dikemukakan seperti di bawah:

Dengan berdasarkan ucapan Persidangan Perhimpunan Agung Khas UMNO bertarikh 4 November 1961 ini, Tunku memaklumkan bahawa tujuan persidangan khas tersebut berkaitan dengan pembentukan Malaysia dan percantuman dengan Singapura. Tunku mengatakan bahawa keadaan Persekutuan Tanah Melayu dengan negeri-negeri di Borneo (Brunei, Sarawak dan Sabah) merupakan satu bentuk yang istimewa iaitu berbentuk bulan sabit atau crescent. Sebab itu sangatlah munasabahnya Tanah Melayu dan negeri-negeri Borneo itu disifatkan sebagai bulan yang baru timbul dalam alam dunia ini.

Sebelum analisis TR dilakukan, makna linguistik terlebih dahulu dikemukakan. Untuk data (2), kajian ini mendapati makna linguistiknya berdasarkan *Kamus Dewan* (2005) seperti dalam Jadual 2.

Berdasarkan kupasan makna linguistik simile dalam Jadual 2, ujaran Tunku yang berbunyi “sebagai bulan yang baru timbul” bermaksud “Tanah Melayu dan negeri-negeri Borneo (Brunei, Sarawak dan Sabah) seperti bulan yang baru terbit”. Di sinilah, kajian ini mendapati bahawa ada makna implisit daripada ujaran tersebut kerana makna linguistik yang ditunjukkan tadi tidak mampu membawa makna yang sebenar. Oleh itu, usaha menerokai makna yang sebenar diperlukan, dengan ini TR dapat membantu mencari makna implisit tersebut.

Analisis TR Data (2): sebagai bulan yang baru timbul

Kod	Inferens	Andaian
Bulan kemerdekaan	Kemunculan, kesenangan, kemewahan	a. muncul sebagai negara baharu, iaitu Malaysia b. Mempunyai masa depan yang cerah

Melalui kod, inferens dan andaian yang telah dikemukakan melalui langkah awal aplikasi TR, kajian ini mendapati bahawa data (2), iaitu “sebagai bulan yang baru timbul” bermaksud sebagaimana yang

Jadual 2 Makna linguistik berdasarkan *Kamus Dewan* (2005) bagi Data 2.

Data	Lampiran	Kategori (BF-simile)	Makna Linguistik
2	A2, Bil.1, Baris 19-20	sebagai bulan yang baru timbul	sebagai – bertindak seperti, selaku bulan – satelit semula jadi bumi yang bergerak mengelilingi bumi sekali dalam 28 hari, dan bersinar pada waktu malam oleh cahaya yang dibalikkan dari matahari yang – kata penghubung untuk menyatakan bahawa kata-kata (ayat) berikutnya ialah penjelasan untuk kata-kata sebelumnya. baru- belum berapa lama lagi timbul – terbit (bulan matahari)

ditunjukkan dalam andaian (a) “muncul negara yang baharu” dan andaian (b) “mempunyai masa depan yang cerah”.

Andaian (a), iaitu muncul negara yang baharu ini didapati selaras dengan pengetahuan sedia ada pendengar. Sebelum ucapan Tunku, mereka sebelum ini telah dimaklumkan tentang rancangan pembentukan Malaysia. Perhatikan ucapan Tunku tentang perkara tersebut:

- (i) Tuan-tuan sendiri ini telah sedia maklum tentang sebab-sebab perhimpunan khas ini diadakan, dan saya percaya kehadiran tuan-tuan di sini pada hari ini adalah dengan dorongan semangat yang kuat dan perasaan yang penuh bertanggungjawab. Perkara Malaysia dan percantuman dengan Singapura itu ialah satu masalah yang besar... (Lampiran A2, Bil.1, Baris 1-5)
- (ii) Saya percaya tuan-tuan semua telah membaca dalam surat khabar berita-berita dan kenyataan-kenyataan saya dalam Parlimen dan juga dalam perjumpaan-perjumpaan yang lain berkaitan dengan rancangan percantuman dan Malaysia ini...(Lampiran A2, Bil.1, Baris 6-9)

Berdasarkan ujaran Tunku tersebut, jelas menunjukkan bahawa pendengar telah pun mempunyai pengetahuan yang sedia ada tentang rancangan pembentukan Malaysia. Tujuan persidangan pada hari tersebut meletakkan ujaran Tunku dan pengetahuan sedia ada pendengar pada konteks yang sama. Keadaan ini memudahkan pendengar untuk menginterpretasi ujaran yang disampaikan oleh Tunku termasuk data (2) ini. Andaian (a) selaras dengan maklumat konteks. Oleh hal demikian, apabila Tunku menyatakan

‘... Tanah Melayu dan negeri-negeri Borneo itu disifatkan sebagai bulan yang baru timbul dalam alam dunia ini’. Pendengar dapat memahaminya “sebagai negara baharu akan muncul” jika Tanah Melayu dan negeri-negeri Borneo digabungkan. Pendengar juga dapat mengetahui bahawa “negeri-negeri Borneo” yang dimaksudkan oleh Tunku tidak termasuk “Kalimantan-Indonesia” kerana ujaran terdahulu Tunku ada menyebut “kedudukan alam atau geografi negeri-negeri Tanah Melayu, Brunei, Sarawak dan Sabah itu tuan-tuan akan dapat lihat seperti bulan sabit atau *crescent*”. Tunku tidak menyebut langsung tentang “Kalimantan” yang juga terletak di Pulau Borneo.

Dalam masyarakat Melayu, Penggunaan perkataan “bulan” juga sering dikaitkan dengan maksud yang baik. Umpamanya yang terdapat peribahasa “bulan dipagari bintang” yang bermaksud “sudah patut benar, sangat cocok”, “bagai bulan empat belas” yang bermaksud “peri keelokan wajah perempuan”. Pengetahuan sedia ada pendengar tentang “bulan” akan memperkukuh andaian bagi data (2) kerana kedua-dua andaian tersebut membawa maksud yang baik juga. Oleh sebab itu, andaian (a) dan (b) ini mempunyai kesan konteks yang tinggi jika dihubungkan dengan pengetahuan sedia ada pendengar. Pendek kata, ujaran implisit ini mudah diproses dan mempunyai kerelevanan yang tinggi.

Andaian (b) “mempunyai masa depan yang cerah” pula turut mempunyai kesahannya sebagai makna implisit bagi data (2). Hal ini kerana andaian (b) ini dapat diperkukuh oleh ujaran terdahulu seperti petikan di bawah:

“Sekiranya cadangan ini beroleh kejayaan,... kerajaan yang akan muncul kelak bukan sahaja satu kerajaan yang **besar, bahkan kuat dan teguh, kaya, aman, dan makmur**” (Lampiran A2, Bil. 1, Baris 10-12)

Ujaran tersebut bermaksud sekiranya cadangan ini (pembentukan Malaysia) berjaya, kerajaan (Malaysia) yang muncul ini menjadi besar, kuat, kaya, aman dan makmur (masa depan yang cerah). Ujaran ini didapati mampu memperkukuh andaian (b) iaitu mempunyai masa depan yang cerah kerana perkataan “besar”, “kuat”, “teguh”, “kaya”, “aman” dan “makmur” merupakan unsur yang baik bagi sesebuah negara. Penguatan maklumat berlaku antara andaian (b) tersebut dengan ujaran terdahulu membawa kepada kesan konteks yang tinggi. Andaian (b) dengan perkataan “besar”, “kuat”, “teguh”, “kaya”, “aman”, dan “makmur” mempunyai konteks yang sama.

Analisis TR terhadap Data (3)

Ironi “Campakkan Perkataan-perkataan itu ke Lautan India”

Secara pengertiannya, ironi bermaksud sindiran. Ironi walaupun pada dasarnya merupakan bahasa figuratif yang berbentuk sindiran, namun ada banyak lagi maksud tersirat selain sindiran yang dikemukakan dalam ironi (Fatimah Subet, 2010:134). Pernyataan ini selaras dengan pendapat Maslida Yusof (2000:1239) dan S. Othman Kelantan (1997:12) yang mengatakan bahawa secara literalnya, ironi bermaksud sindiran, cemuhan, atau ejekan. Dari segi pengucapan, ironi menggunakan kata yang lebih lembut dan tidak kasar, meskipun kesannya mungkin lebih tajam dan menghiris. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1992:27), “ironi” membawa maksud sesuatu ujaran itu mengandungi unsur sindiran. Penutur akan cuba menyindir dengan menggunakan ujaran yang mengandungi maksud yang implisit. Yang diujarkan secara eksplisit di sini tidak boleh dianggap membawa makna sebenar hajat si penutur.

Kajian ini mengemukakan ujaran “campakkan perkataan-perkataan itu ke Lautan India” sebagai bahasa figuratif ironi kerana terdapat unsur sindiran dalam ungkapan ini. Jika hanya melihat ujaran “campakkan perkataan-perkataan itu ke Lautan India”, data ini tidak menampakkan bahawa adanya unsur ironi. Walau bagaimanapun, jika dilihat ujaran terdahulu iaitu “...satu perjanjian di bandar itu yang menentukan bahawa Tanah Melayu akan beroleh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 “jika boleh” dengan ujaran “campakkan perkataan-perkataan itu ke lautan India” , terdapat unsur pertentangan antara kedua-dua ujaran tersebut.

Data (3) (Rujuk Lampiran A3, Bil.1) ini terdapat dalam ucapan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Yang Dipertua UMNO, Di Persidangan Agung UMNO pada 6 September 1964.

Sebelum menganalisis makna implisit, maka konteks pemula perlu dicari. Dalam ucapan, konteks pemula dapat diperoleh daripada tajuk dan tarikh ucapan. Hal ini kerana tajuk dan tarikh ucapan dapat memberikan gambaran konteks persekitaran. Yang berikut ialah gambaran umum tentang ucapan Tunku:

Ucapan yang mempunyai data (3) ini disampaikan pada 6 September 1964, iaitu hampir genap setahun pembentukan Malaysia. Oleh yang demikian, perasaan mengenai kejayaan ini masih terasa bagi semua rakyat Malaysia. Perasaan ini bertambah kuat lagi apabila

Tunku mengimbas kembali rundingan kemerdekaan yang diadakan di London pada tahun 1956. Dalam rundingan tersebut, Tunku telah menandatangani satu perjanjian di bandar itu yang menentukan bahawa Tanah Melayu akan beroleh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 “jika boleh”.

Awal-awal lagi, kajian ini mendapati data (3) “campakkan perkataan-perkataan itu ke Lautan India” mempunyai makna yang tersirat. Hal ini kerana maksud sebenar ungkapan ini bertentangan dengan konteks maklumat. Perhatikan ungkapan ini dalam petikan yang berikut:

“Dengan tidak saya sedari, saya telah campakkan perkataan-perkataan itu ke Lautan India semasa saya dalam perjalanan balik” (Lampiran A3, Bil.1, Baris 7-9).

Sebelum analisis TR dilakukan, makna linguistik terlebih dahulu dikemukakan. Untuk data (3) ini, kajian ini mengesan makna linguistiknya berdasarkan *Kamus Dewan* (2005) seperti dalam Jadual 3.

Berdasarkan kupasan makna linguistik ironi ini, secara linguistiknya, ujaran Tunku yang berbunyi “... campakkan perkataan-perkataan itu ke Lautan India” membawa makna, iaitu “Tunku telah membuang perkataan-perkataan itu ke Lautan India”. Berdasarkan pengalaman sedia ada sebagai penumpang kapal terbang, keadaan ini mustahil dilakukan oleh penumpang kapal terbang yang boleh membuka tingkap kapal terbang untuk membuang sesuatu, tambahan pula “perkataan” bersifat abstrak yang tidak dapat dipegang apatah lagi dibuang. Jika Tunku menggunakan kapal, perbuatan ini boleh berlaku kerana tingkap kabin kapal boleh dibuka dan Tunku boleh mencampakkan cebisan kertas yang

Jadual 3 Makna linguistik berdasarkan *Kamus Dewan* (2005) bagi Data 3.

Data	Lampiran	Kategori (BF-ironi)	Makna Linguistik
3	A3, Bil.1, Baris 8-9	campakkan perkataan-perkataan itu ke Lautan India	campakkan – lembarkan, buangkan perkataan-perkataan – kumpulan kata (yang diucapkan dan sebagainya) itu – kata penunjuk untuk benda (hal, tempat, waktu yang jauh). ke – kata sendi yang menunjukkan arah atau tempat dan lain-lain yang ditujui. lautan – laut yang besar (luas) India -benua India

mengandungi tulisan ke laut tetapi tidak berlaku kerana dalam ungkapan Tunku, ada disebut “dengan tidak saya sedari”. Di sinilah, kajian ini mendapati bahawa ada makna implisit daripada ujaran tersebut. Makna linguistik yang ditunjukkan tadi tidak mampu membawa makna yang sebenar. Oleh itu, menerokai makna yang sebenar diperlukan. TR dapat membantu mencari makna implisit tersebut. Eksplorasi TR memaparkan analisis yang berikut:

Analisis TR

Data (3) : campakkan perkataan-perkataan itu ke Lautan India

Kod	Inferens	Andaian
campakkan	Pendirian tegas	a. mahu kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 juga. b. Tidak menerima cadangan c. Tidak mempedulikan d. Tidak suka

Andaian yang dikemukakan di atas dapat memberikan konteks pemula bagi mencari makna implisit bagi data (3) ini. Walau bagaimanapun, kehadiran maklumat tambahan daripada ujaran lain diperlukan untuk mendapatkan makna implisit bagi data (3) kerana apabila Tunku mengujarkan “Dengan tidak saya sedari saya telah campakkan perkataan-perkataan itu ke Lautan India semasa saya dalam perjalanan balik”, pendengar akan tertanya-tanya tentang “perkataan-perkataan itu”.

Oleh yang demikian, kajian ini mengemukakan ujaran Tunku seperti di bawah:

“Kita telah menurunkan tandatangan satu perjanjian di bandar itu yang menentukan bahawa Tanah Melayu akan beroleh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 ‘jika boleh’. Apakala saya berucap di Melaka sesampainya saya balik ke tanah air dengan membawa berita yang baik itu, **saya tidak menyebut perkataan-perkataan ‘jika boleh’** itu. Dengan tidak saya sedari saya telah campakkan **perkataan-perkataan itu** ke Lautan India semasa saya dalam perjalanan balik” (Lampiran A3, Bil.3, Baris 2-9).

Melalui ujaran di atas, frasa yang bergaris menunjukkan adanya hubungan antara satu sama lain sehingga membawa penjelasan kepada

kemusykilan pendengar terhadap “perkataan-perkataan itu” dalam ujaran “Dengan tidak saya sedari saya telah campakkan **perkataan-perkataan itu** ke Lautan India semasa saya dalam perjalanan balik”. Melalui ujaran terdahulu, Tunku ada menyebut “Kita telah menurunkan tandatangan.... bahawa Tanah Melayu akan beroleh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 **‘jika boleh’... saya tidak menyebut perkataan-perkataan ‘jika boleh’...saya telah campakkan perkataan-perkataan itu ...**”. Melalui ujaran terdahulu, pendengar dapat mengetahui maksud sebenar “perkataan-perkataan itu”, iaitu “jika boleh”. Di sinilah wujudnya penguatan andaian pendengar terhadap maksud “perkataan-perkataan” berdasarkan ujaran terdahulu. Apabila pendengar telah mengetahui “perkataan-perkataan itu” merujuk “jika boleh”, maka usaha menginterpretasi data (3) ini akan menjadi lebih mudah.

Andaian (a) “mahu kemerdekaan pada 31 Ogos juga”, dan andaian (b) “tidak menerima cadangan merupakan makna implisit bagi data (3) ini. Hal ini kerana kedua-dua andaian ini selaras dengan konteks ujaran. Perkara ini dapat dibuktikan apabila kedua-dua andaian ini dihubungkan dengan maklumat ensiklopedia pendengar. Maklumat ensiklopedia pendengar tentang frasa “jika boleh” dapat digabungkan dengan andaian tersebut dan ternyata dapat menghasilkan kesan konteks yang tinggi. Frasa “jika boleh” dalam ungkapan Tunku iaitu “kita telah menurunkan tandatangan satu perjanjian di bandar itu yang menentukan bahawa Tanah Melayu akan beroleh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 ‘jika boleh’” dalam pengetahuan ensiklopedia pendengar dapat ditafsirkan “sebagai sesuatu yang tidak pasti dan tertakluk pada syarat tertentu”. Hal ini kerana makna linguistik “jika” merupakan kata hubung yang menyatakan syarat (janji), kalau. Oleh itu, berdasarkan frasa “jika boleh” dalam ungkapan ‘bahawa Tanah Melayu akan beroleh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 ‘jika boleh’, pendengar dapat mengetahui bahawa “Tanah Melayu belum tentu dapat memperoleh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957”. Perjanjian tersebut menampakkan pihak British menaruh ketidakyakinan terhadap kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk memerintah negara sendiri. Tindakan tersebut juga menunjukkan bahawa British telah memandang rendah keupayaan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Walaupun Tunku telah menandatangani perjanjian itu, hal ini tidak bermakna Tunku bersetuju dengan syarat tersebut. Melalui ungkapan “Apakala saya berucap di Melaka sesampainya saya balik ke tanah air dengan membawa berita yang baik itu, saya tidak menyebut perkataan-perkataan “jika boleh” itu telah dapat menunjukkan sikap Tunku langsung

tidak mempedulikan frasa tersebut. Sebaliknya, Tunku mengujarkan ungkapan seperti di bawah sebagai sindirin kepada sikap British tersebut:

“Dengan tidak saya sedari saya telah campakkan perkataan-perkataan itu ke Lautan India semasa saya dalam perjalanan balik” (Lampiran A3, Bil.2, Baris 7-9)

Pendengar tidak menghadapi masalah untuk memahami ujaran implisit Tunku melalui data (3) ini kerana maklumat ensiklopedia dan pengetahuan sedia ada pendengar dapat memperkuat andaian yang dikemukakan.

Jika dilihat dari segi tarikh ucapan pada 6 September 1964, hal ini bermakna para pendengar telah pun menikmati kemerdekaan. Dalam ucapan tersebut, Tunku mengimbas kembali saat-saat mendapatkan kemerdekaan. Data (3) “campakkan perkataan-perkataan itu ke Lautan India” juga akan menimbulkan kesan konteks yang tinggi kerana ujaran ini selaras dengan pengalaman dan pengetahuan sedia ada pendengar yang telah menyaksikan kebenaran, iaitu “Tanah Melayu telah merdeka pada 31 Ogos 1957”. Kebenaran ini telah memperkukuh andaian (a), iaitu mahu “kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 juga” dan andaian (b) “tidak menerima cadangan”. Kemahuan dan ketegasan Tunku telah menjadi kenyataan kepada Tunku dan rakyat. Konteks ujaran penutur dan pendengar pada keadaan yang sama, oleh itu usaha memproses menjadi rendah. Dengan ini, ujaran ini menjadi amat bermanifestasi. Andaian lain, iaitu (c) dan (d) yang tidak selaras dengan konteks ujaran digugurkan.

Kesimpulannya, data (3) ini dapat difahami makna implisitnya melalui pengetahuan atau pengalaman sedia ada pendengar. Ucapan Tunku mengenai kemerdekaan disampaikan setelah kira-kira tujuh tahun selepas itu. Perkara kemerdekaan yang disentuh oleh Tunku telah dialami oleh rakyat jelata, oleh sebab itulah, ujaran Tunku mudah difahami melalui penguatan maklumat daripada pengetahuan sedia ada.

Penjajahan dan Kemerdekaan

Usaha penganalisan pemikiran biasanya membahagikan pemikiran kepada pemikiran sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya. Pembahagian ini dapat dilihat dalam kajian oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2005) dan Arba'ie Sujud (2004). Walau bagaimanapun, kajian ini lebih memfokuskan pemikiran sosiopolitik Tunku kerana soal ini

begitu ketara dalam ucapan Tunku. Hal ini bertepatan dengan pendapat Arbaie Sujud (2004:200) yang mengatakan bahawa kesan pemerhatian dan pengalaman yang dilalui oleh pengarang sama ada secara langsung atau tidak langsung telah merangsang daya fikir dan kepekaan beliau untuk menghasilkan ungkapan yang mengandungi pemikiran sosiopolitik. Kajian ini berpendapat bahawa pemikiran sosiopolitik yang ditonjolkan oleh Tunku berkaitan dengan pengalaman politik yang dilalui oleh Tunku, apatah lagi Tunku terlibat secara langsung dalam politik.

Pemikiran sosiopolitik yang dibincangkan dalam kajian ini berhubung dengan persoalan penjajahan dan kemerdekaan. Penjajahan dalam konteks ini merujuk kesan penaklukan kuasa luar di Tanah Melayu khususnya pihak British. Kemerdekaan pula merujuk pembebasan tanah air daripada pihak penjajah.

Persoalan **penjajahan** dan **kemerdekaan** muncul melalui ungkapan metafora “mahligai kemerdekaan”. Tunku melihat kemerdekaan sebagai satu “mahligai” yang menjadi impian setiap rakyat. Hal ini kerana penjajahan telah menghadkan kehidupan penduduk di Tanah Melayu. Oleh sebab itu, Tunku berusaha membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan yang telah dirasai sekian lama oleh rakyat dengan menuntut kemerdekaan daripada penjajah. Penggunaan “mahligai kemerdekaan” amatlah bertepatan kerana “mahligai” melalui analisis TR membawa maksud “segala kenikmatan kemerdekaan” yang belum lagi dirasai oleh rakyat di bawah penjajahan selama ini. Dengan mencapai kemerdekaan, barulah rakyat akan dapat hidup dalam suasana yang baik. Rakyat akan dapat menikmati kesenangan, kemewahan dan keindahan tanah air seperti “tinggal di istana atau mahligai”. Begitulah gambaran Tunku tentang kebaikan kemerdekaan pada masa itu. Walau bagaimanapun usaha menuju ke “mahligai kemerdekaan” bukanlah mudah kerana pengorbanan rakyat perlu dilakukan. Hal ini kerana perpaduan antara kaum merupakan syarat yang dikemukakan oleh pihak Inggeris untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Perpaduan ini hanya dapat dicapai jika ada semangat kesetiakawanan dan tolak ansur dalam kalangan rakyat. Jika tiada perpaduan, rakyat Tanah Melayu tidak akan mendapat kemerdekaan. Oleh sebab itulah lahirnya ungkapan “sekiranya kita tutup syarat-syarat kebolehan mengundi bagi orang-orang bukan Melayu... tangga yang mula menuju kepada mahligai kemerdekaan itu tiada tercapai”. Kesungguhan sanggup berkorban ini ditunjukkan oleh orang Melayu. Orang Melayu melalui Jawatankuasa kerja UMNO telah menimbang hal ini dengan sehalus-halusnya dan mereka berpendapat bahawa sekiranya negara kita

hendak mencapai kemerdekaan, orang Melayu mesti menerima syarat memberikan hak mengundi kepada orang bukan Melayu. Kemerdekaan hanya dapat dicapai dengan sokongan kaum lain. Hal ini jelas dalam ungkapan Tunku, iaitu “kemerdekaan yang hendak kita capai daripada tangan British dan bagi mencapainya, kita berkehendak bantuan daripada sekalian bangsa penduduk yang taat setia kepada negeri ini”.

Pemikiran sosiopolitik tentang persoalan penjajahan dan kemerdekaan juga muncul dalam ungkapan ironi “saya telah campakkan perkataan-perkataan itu ke Lautan India”. Melalui analisis TR, ungkapan ironi ini membawa maksud “mahu kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 juga”. Ungkapan tersebut menampakkan pendirian tegas Tunku semasa menuntut kemerdekaan. Ketegasan Tunku telah dilahirkan dalam ujaran terdahulu, iaitu “saya bercakap berkenaan dengan Tanah Melayu, boleh dan mesti dilahirkan”. Walaupun Tunku mengamalkan cara diplomasi melalui rundingan dengan Inggeris bagi mendapatkan kemerdekaan tetapi Tunku juga menunjukkan ketegasan. Ketegasan Tunku tidak ditunjukkan secara terang-terangan sebaliknya melalui sindiran dengan ungkapan “saya telah campakkan perkataan-perkataan itu ke Lautan India”. Ironi ini diluahkan apabila pihak Inggeris menampakkan ketidakikhlasan mereka untuk memberikan kemerdekaan dengan mengatakan “.... Tanah Melayu akan beroleh kemerdekaan pada 31 Ogos ‘jika boleh’”. Walau bagaimanapun, Tunku langsung tidak mahu menyebut perkataan tersebut semasa membuat pengumuman sebaik-baik sahaja pulang dari London. Di sini juga menggambarkan bahawa usaha untuk mendapatkan kemerdekaan bukanlah mudah. Hal ini kerana pihak Inggeris mempunyai niat untuk terus memerintah Tanah Melayu dengan memberikan pelbagai alasan. Pernyataan ini jelas dalam ungkapan Tunku “pihak Inggeris tidak begitu gemar hendak memberikan kemerdekaan kepada kita kerana bimbang kalau-kalau kepentingan mereka dalam negeri ini terancam... ada seorang daripada mereka mengatakan Tunku Abdul Rahman itu bermimpi hendak jadi Perdana Menteri”.

Melalui ungkapan simile “...sebagai bulan yang baru timbul dalam alam dunia ini” Tunku ingin membawa persoalan tentang pembebasan daripada penjajahan dan menikmati kemerdekaan. Kestabilan politik amat penting untuk pembangunan negara. Hasil analisis TR mendapati bahawa maksud simile “sebagai bulan yang baru timbul dalam alam dunia ini” membawa maksud “muncul sebagai negara baharu, iaitu Malaysia yang mempunyai masa depan yang cerah” melalui penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sabah, Sarawak, dan Brunei. Negara baharu, iaitu

Malaysia ini akan muncul sebagai sebuah negara yang mempunyai masa depan yang cerah. Negeri yang belum merdeka apabila digabungkan dengan Persekutuan Tanah Melayu akan mendapat kelebihan yang tidak dapat dinikmati sebelum ini.

Masa depan yang cerah umpama “cahaya bulan” ini jelas dalam ujaran terdahulu, Tunku menyatakan bahawa “negeri-negeri di luar Semenanjung Tanah Melayu ini akan bersama-sama kita dalam satu pemerintahan yang besar... kerajaan yang muncul kelak bukan sahaja kerajaan yang besar, bahkan kuat dan teguh, kaya aman dan makmur”. Kelebihan penggabungan ini dapat dilihat dari segi sosiopolitik. Hal ini kerana pembentukan Malaysia ini akan turut membebaskan negeri tersebut daripada penjajahan. Negeri tersebut, iaitu Brunei, Sabah dan Sarawak juga akan mendapatkan kemerdekaan. Keadaan ini akan memperkukuh kuasa politik negeri tersebut kerana mendapat kuasa pemerintahan sendiri. Menurut Tunku di bawah konsep Malaysia ini “tiada ada negeri yang akan menjadi tanah jajahan...negeri-negeri yang termasuk dalam Malaysia ini akan mempunyai taraf yang sama dan mengekalkan kuasa-kuasa tempat sendiri yang akan disetujui oleh negeri-negeri kelak”.

Di samping itu, kestabilan politik negeri-negeri lebih terjamin kerana tidak terganggu oleh ancaman komunis pada masa itu. Ancaman komunis ini digambarkan melalui ungkapan “anasir-anasir komunis akan masuk menyeludup dalam kalangan orang-orang dalam negeri-negeri itu, dan juga akan membuka peluang kepada komunis untuk merebak di wilayah itu”. Penggabungan ini bukan sahaja membawa masa depan yang cerah kepada Semenanjung Tanah Melayu menjadi sebuah kerajaan yang besar, masa depan negeri lain akan bertambah baik kerana dapat terselamat daripada ancaman komunis pada masa itu. Dengan cara ini, wilayah tersebut dapat menumpukan usaha pembangunan dan kemajuan negeri. Apabila politik stabil, masa depan negeri akan lebih cerah kerana kerajaan akan menjadi kuat, kekayaan daripada sumber alam dapat dinikmati, rakyat dapat hidup dalam negara yang aman dan makmur. Jika sesebuah negara memiliki ciri-ciri ini, sudah tentu negara ini membangun dengan pesat. Keyakinan Tunku terhadap kebaikan pembentukan Malaysia ini kerana adanya persamaan antara Semenanjung dengan wilayah tersebut dari segi keturunan, sistem pemerintahan, dan mata wang yang sama.

Berdasarkan data kajian, didapati bahawa Tunku menggunakan unsur implisit dengan sebaik-baiknya untuk menyampaikan pemikiran. Walaupun kajian juga memfokuskan pemikiran sosiopolitik Tunku, hal ini tidak bermakna persoalan lain seperti sosioekonomi dan budaya

diabaikan sebaliknya turut dibincangkan secara tidak langsung kerana setiap persoalan ini berkaitan antara satu sama lain.

KESIMPULAN

Penggunaan TR dalam menginterpretasi makna implisit yang cuba disampaikan Tunku melalui ucapan membolehkan pendengar mendapatkan makna yang sebenar. Apabila makna ujaran yang implisit mampu diterokai, maka pemikiran Tunku juga dapat diselami khususnya pemikiran sosiopolitik Tunku. Dalam teks ucapan yang dikaji, penggunaan unsur implisit dalam bentuk bahasa figuratif tidak sedikit pun menjejaskan pemahaman pendengar walaupun melanggar maksim kerjasama yang dikemukakan oleh Grice (1975). Hal ini kerana analisis TR dapat mengatasi masalah ini dengan mengambil kira kod, inferens dan andaian di samping menekankan peranan konteks, kesan konteks dan usaha proses bagi mendapatkan makna yang sebenar.

RUJUKAN

- Arba'ie Sujud, 2004. *"Interpretasi Pemikiran dan Teknik Pengungkapan Dalam Sajak-sajak Dewan Sastera"*. Tesis Ph.D. Universiti Putra Malaysia.
- Asmah Haji Omar. "Hubongan Faktor2 Linguistik dan Bukan Linguistik Dalam Perkembangan Bahasa Melayu" dlm. *Dewan Bahasa Jun 1966*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2011. *Teori dan Kaedah Nahu: Sejarah Pertumbuhan Aliran Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2005. *Bahasa, Sastera, dan Tamadun Melayu: Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad 1982-2002*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah binti Subet, 2010. *"Interprestasi Makna Bahasa Figuratif Sebagai Cerminan Emosi: Satu Analisis Teori Relevans."* Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maniyamin Ibrahim, 2006. *Gaya Bahasa Kiasan : Penggunaan dalam Keberkesanan dalam Sajak*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Maslida Yusof, 2000. *Makna Interpretif : Kes Ironi Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa (1239-1247). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2005. *"Pemikiran dan Teknik Penceritaan*

JURNAL BAHASA

- dalam Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*".
Abstrak Tesis Ph.D. Universiti Putra Malaysia. http://psasir.upm.edu.my/5849/1/FBMK_2005_1%281-24%29.pdf (dalam talian 11 OGOS 2012)
- Nor Hashimah Jalaluddin, "Keimplisitan Ujaran : Satu Analisis Teori Relevans" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* Jun hlm. 474-83), 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. "Kata Ganda Penuh : Satu Analisis Semantik dan Pragmatik" dlm. *Dewan Bahasa* Februari 2003 26-33, 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2007. *Bahasa dalam Perniagaan : Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan, 1997. *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber, D. & Wilson, D., 1999. *Relevans Komunikasi & Kognisi*. Diterjemah oleh Nor Hashimah Jalaluddin. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaiton Ismail. "Bahasa Berirama dari Sudut Pandangan Teori Lakuan Bahasa, Teori Grice dan Teori Relevans" dlm. *Dewan Bahasa* Januari 2003. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, "Bahasa, Konteks dan Pemikiran kanak-kanak: Satu Analisis Pragmatik" dlm. *Jurnal Bahasa*, Jun 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2006. *Memahami Pertuturan Kanak-kanak melalui Analisis Pragmatik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

LAMPIRAN A1

Sinopsis Teks Ucapan dan Sampel Data

Bilangan	Ucapan 1
Tajuk	Ucapan Yang Dipertua UMNO
Tarikh Ucapan	5 APRIL 1953
Muka Surat	12
Sinopsis	Dalam ucapan, Tunku menyatakan kemenangan Parti Perikatan dalam pilihan raya daerah iaitu 34 orang Melayu terpilih dan 29 bangsa asing. Tunku menjangka kemenangan akan dicapai dalam Pilihan Raya Majlis Mesyuarat Undangan nanti. Tunku juga mengatakan bahawa syarat kebolehan mengundi bagi orang-orang bukan Melayu harus diberikan. Jika tidak tangga yang mula menuju ke mahligai kemerdekaan itu tiada tercapai. Oleh yang demikian Jawatankuasa Kerja Agung UMNO telah menimbangkan hal ini. Menurut Tunku, bagi mencapai kemerdekaan, kita berkehendak bantuan daripada sekalian bangsa penduduk-penduduk yang taat setia kepada negeri ini. Sekiranya kita tidak hendak memberi faedah kepada mereka sama sekali adakah munasabah yang mereka hendak memberi bantuan kepada kita. Menurut Tunku, setengah-setengah orang tentu berkata kita terlepas dari mulut harimau masuk ke mulut buaya. Dalam ucapan tersebut, Tunku juga menyatakan UMNO tidak mendapat sokongan pembesar-pembesar, barisan kerajaan British, kerajaan Melayu dan hartawan-harwatan dalam negeri ini. Tunku menyatakan bahawa Perjuangan UMNO telah pun dimulakan dan bersedialah untuk menghadapi segala ribut taufan yang ada di hadapan.
1	<p>1 Perhatikanlah pilihan raya yang telah diadakan di dalam tujuh buah</p> <p>2 daerah sekarang ini, kita dapat jumlah orang-orang Melayu yang</p> <p>3 telah terpilih ada 34 orang dan bangsa asing 29 orang.</p> <p>4 Bagi Pilihan Raya Majlis Mesyuarat Undangan itu adalah</p> <p>5 dikehendaki 44 orang ahli yang dipilih oleh orang ramai dan di</p> <p>6 dalam itu Perikatan kita dengan orang-orang Cina itu tentu akan</p> <p>7 boleh mencapai kejayaan.</p> <p>8 Sekiranya kita tutup syarat-syarat kebolehan mengundi bagi orang-</p> <p>9 orang yang bukan Melayu itu, tentu sekali bangsa asing tiada akan</p> <p>10 bersetuju mengadakan pilihan raya ini, bagi pihak orang-orang</p> <p>11 Melayu nescaya tangga yang mula untuk menuju kepada mahligai 12</p> <p>kemerdekaan itu tiada tercapai.</p>

Sinopsis Teks Ucapan dan Sampel Data

Bilangan	Ucapan 2
Tajuk	Ucapan YTM Tunku Abdul Rahman dalam Persidangan Perhimpunan Agung Khas UMNO diadakan di Dewan Perbandaran (Town Hall) KL.
Tarikh Ucapan	4 NOVEMBER 1961
Muka Surat	25
Sinopsis	Dalam ucapan bertarikh 4 November 1961 ini, Tunku memaklumkan bahawa tujuan persidangan khas tersebut berkaitan dengan rancangan percantuman dan Malaysia. Tunku mengatakan bahawa keadaan Persekutuan Tanah Melayu dengan negeri-negeri di Borneo merupakan satu bentuk yang istimewa iaitu berbentuk bulan sabit atau 'crescent'. Sebab itu sangatlah munasabahnyanya Tanah Melayu dan negeri-negeri Borneo itu disifatkan sebagai bukan yang baru timbul dalam alam dunia ini.
1	<p>1 Tuan-tuan sendiri ini telah sedia maklum tentang sebab-sebab 2 perhimpunan khas ini diadakan, dan saya percaya kehadiran tuan-tuan 3 di sini pada hari ini adalah dengan dorongan semangat yang kuat dan 4 perasaan yang penuh bertanggungjawab. Perkara Malaysia dan 5 percantuman dengan Singapura itu ialah satu masalah yang besar... 6 Saya percaya tuan-tuan semua telah membaca dalam surat khabar 7 berita-berita dan kenyataan-kenyataan saya dalam Parlimen dan juga 8 dalam perjumpaan-perjumpaan yang lain berkaitan dengan rancangan 9 percantuman dan Malaysia ini.... 10 Sekiranya cadangan ini beroleh kejayaan,... kerajaan yang akan 11 muncul kelak bukan sahaja satu kerajaan yang besar, bahkan kuat dan 12 teguh, kaya, aman, dan makmur. 13 Jika tuan-tuan perhatikan di atas peta daerah ini tuan-tuan akan dapati 14 bahawa keadaan Persekutuan Tanah Melayu dengan negeri-negeri di 15 Borneo itu adalah merupakan satu bentuk yang istimewa. Kedudukan 16 alam atau geografi negeri-negeri Tanah Melayu, Brunei, Sarawak dan 17 Sabah itu tuan-tuan akan dapat lihat seperti bentuk bulan sabit atau 18 crescent. Jadi sangatlah munasabahnyanya Tanah Melayu dan negeri- 19 negeri Borneo itu disifatkan sebagai bulan yang baru timbul dalam 20 alam dunia ini. Maka jadilah kelak Malaysia yang kita cadangkan itu 21 berbentuk pada segi alamnya seperti lambang bulan, iaitu satu- 22 satunya 22 lambang keagungan Islam.</p>

LAMPIRAN A3

Sinopsis Teks Ucapan dan Sampel Data

Bilangan	Ucapan 3
Tajuk	Ucapan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Yang Dipertua UMNO, di Persidangan Agung UMNO
Tarikh Ucapan	6 SEPTEMBER 1964
Muka Surat	21
Sinopsis	<p>Dalam ucapan, Tunku juga mengimbas kembali rundingan kemerdekaan yang diadakan di London pada tahun 1956. Dalam rundingan tersebut, Tunku telah menandatangani satu perjanjian di bandar itu yang menentukan bahawa Tanah Melayu akan beroleh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 “jika boleh”. Apakala saya berucap di Melaka sesampainya saya balik ke tanah air dengan membawa berita yang baik itu, saya tidak menyebut perkataan -perkataan “jika boleh” itu. Dengan tidak sedari saya telah campakkan perkataan-perkataan itu ke Lautan India semasa saya dalam perjalanan balik.</p> <p>Walaupun telah mencapai kemerdekaan, perpaduan kaum masih menjadi isu penting di negara ini. Tunku dalam ucapannya memberikan gambaran tentang pergaduhan di Singapura.</p> <p>Tunku juga mengatakan bahawa Malaysia telah membuktikan dua kebenaran yang mustahak, yang pertama, demokrasi boleh dan dapat berjalan di Asia sekiranya ada perpaduan dan kerjasama serta keikhlasan ; kedua, demokrasi yang sebenar-benarnya berjaya yang memberi kemakmuran dan kemajuan, dan yang sentiasa memberi keutamaan kepada kebajikan rakyat, ialah satu-satunya senjata yang berkesan untuk melawan tipu-helah komunis”. Saya telah berkata Malaysia telah menjadi lampu yang menyuluh kepada negeri-negeri lain.</p>
1	<p>1 Akhirnya rundingan-rundingan kemerdekaan telah diadakan di London 2 dalam tahun 1956, dan tepat pada hari lahirnya saya yang ke-53 kita 3 telah menurunkan tandatangan satu perjanjian di bandar itu yang 4 menentukan bahawa Tanah Melayu akan beroleh kemerdekaan 5 pada 31 Ogos 1957 “jika boleh”. Apakala saya berucap di Melaka 6 sesampainya saya balik ke tanah air dengan membawa berita yang 7 baik 7 itu, saya tidak menyebut perkataan –perkataan “jika boleh” itu. Dengan 8 tidak saya sedari saya telah campakkan perkataan-perkataan itu ke 9 Lautan India semasa saya dalam perjalanan balik.</p>